

29/08/1998

NAM hadapi ujian getir

Mustafa Omar in Durban, Afrika Selatan

SIDANG Puncak Pergerakan Berkecuali (NAM) kali ke-12 di Durban, Afrika Selatan minggu depan, berlangsung dalam suasana dunia yang masih diselubungi pelbagai krisis dan pergolakan. Dunia yang diharapkan menjadi lebih stabil dan makmur selepas Perang Dingin berakhir, masih jauh untuk dicapai, sebaliknya peperangan masih berterusan dan masalah ekonomi terus melanda sebahagian besar daripada 113 negara anggotanya.

Walaupun keahlian NAM mewakili lebih dua pertiga anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), tanpa kesungguhan dan keberanian, pergerakan itu dalam banyak keadaan tidak dapat berfungsi sebagai pergerakan yang benar-benar berkecuali dan bebas daripada belenggu kuasa besar. Dengan jumlah ahli sebanyak itu, ia sepatutnya memiliki suara dan kekuatan dalam sebarang agenda politik dan ekonomi, tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya.

Kegagalan NAM muncul sebagai pergerakan yang berkesan mewakili kepentingan negara membangun atau dunia ketiga, tidak boleh dipersalahkan kepada sesiapa melainkan anggota NAM sendiri. Setakat ini belum pernah Sidang Puncak NAM menyaksikan kehadiran semua ketua kerajaan negara anggota. Kebanyakan negara di benua Afrika dan Amerika Selatan mengambil sikap sambil lewa, mungkin kerana beranggapan pandangan mereka tidak dihiraukan oleh negara-negara anggota NAM yang lebih besar.

Sejak ditubuhkan secara rasmi dalam Sidang Puncak Belgrade di Yugoslavia pada 1961 ekoran Persidangan Afro-Asia di Bandung, Indonesia pada 1955, pelbagai keputusan dan pendirian dibuat dalam setiap sidang puncak tiga tahun sekali, tetapi hanya sebilangan kecil saja yang menjadi kenyataan, menyebabkan pertemuan NAM sering dianggap sebagai 'talk show'.

Oleh kerana NAM wujud secara kolektif, tidak hairan apabila anggotanya sukar memberi komitmen sepenuhnya kepada apa yang dibawa dan dibincang dalam mesyuarat atau persidangan kerana menyedari kesukaran untuk menterjemahkannya apabila dibawa luar bilik persidangan.

Bagi Malaysia, krisis kewangan menjadi isu utama yang akan dibawa oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang puncak kali ini dengan harapan satu gambaran yang wajar mengenai keruncingan kegawatan ekonomi yang melanda negara Asia, termasuk Malaysia akan dimasukkan dalam dokumen akhir sidang puncak itu.

Isu ini penting kerana apa yang berlaku di Indonesia, Thailand dan Malaysia boleh mewujudkan senario paling buruk dan ia bukan saja menjejaskan ekonomi negara terbabit, tetapi juga politik, sosial dan keselamatan. Afrika Selatan selaku tuan rumah juga sudah pasti memberi tumpuan lebih terhadap isu ini kerana ia kini turut menghadapi masalah sama iaitu kejatuhan nilai mata wang dan pasaran saham.

Malaysia sememangnya serius dalam membawa isu ini, malah sejak dilanda kegawatan ekonomi pertengahan tahun lalu, ia tidak pernah ketinggalan mengemukakan isu berkenaan di forum antarabangsa, termasuk di Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel di Edinburgh, Scotland pada Disember tahun lalu serta Mesyuarat Kumpulan 15 (G15) di Kuala Lumpur dan Kaherah, Mesir.

Bagaimanapun, misi penting Malaysia dan negara membangun lain dalam sidang puncak kali ini ialah mendesak negara kaya meningkatkan bantuan mengatasi masalah pencairan serta mengurangkan risiko kewangan dalam ekonomi mereka, terutama kepada negara anggota yang dilanda krisis kewangan.

Selain itu, sidang juga akan mendesak negara membangun, negara maju,

Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan PBB menyegerakan penilaian semula ke atas sistem kewangan dunia bagi memastikan aliran modal jangka pendek menyokong perkembangan perdagangan, pekerjaan dan pembangunan.

Pada Mesyuarat Peringkat Menteri Biro Penyelarasan NAM di Cartagena, Colombia Mei lalu, agenda empat perkara sudah disiapkan untuk sidang puncak kali ini iaitu reformasi dan penyusunan semula PBB, khususnya Majlis Keselamatan; pengharaman senjata nuklear; pembangunan sosial dan ekonomi dengan tumpuan kepada usaha membasmi kemiskinan dan pemuliharaan alam sekitar serta mengukuhkan NAM.

Dalam soal penyusunan semula PBB, adalah perlu bagi anggota NAM yang kebanyakannya negara membangun menyatakan persetujuan untuk satu pendirian selepas beberapa tahun 'berusaha keras dalam mencari formula yang adil dan wajar' untuk sebuah Majlis Keselamatan yang baru dan disusun semula.

Mengenai isu pengharaman senjata nuklear, pendirian Malaysia sudah jelas, iaitu menentang sebarang penggunaan senjata berkenaan, malah di Cartagena Mei lalu, Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menyuarakan bantahan keras Malaysia terhadap ujian nuklear India (kemudian diikuti oleh ujian nuklear Pakistan) yang dianggap satu tamparan kepada usaha untuk menjadikan kawasan ini bebas daripada senjata nuklear.

Dalam soal ini, Malaysia sudah berusaha bersama negara jirannya untuk menjadikan Asia Tenggara sebagai zon bebas senjata nuklear dan ujian yang dilakukan India itu secara tidak langsung menjejaskan usaha antarabangsa ke arah pengharaman sepenuhnya ujian nuklear melalui pengurangan senjata berkenaan.

Soal pembangunan sosial dan ekonomi boleh dianggap penting, terutama negara anggota dari benua Afrika dan Amerika Selatan yang kebanyakannya miskin dan menghadapi konflik dalaman yang jika dibiarkan berterusan boleh mengancam keselamatan serantau dan pembangunan sosial serta ekonomi.

Fungsi NAM juga perlu diperkukuhkan, khususnya dalam menghadapi alaf mendatang. Selepas Perang Dingin, hubungan antara Utara dan Selatan tidak begitu menggalakkan. Negara-negara maju tidak memberi perhatian sewajarnya kepada NAM, manakala negara Selatan sendiri tidak begitu berminat untuk meneruskan agenda pergerakan itu. Usaha untuk menggerakkan dialog Utara-Selatan juga perlu dipertingkatkan.

Satu lagi isu yang sudah pasti mendapat tempat dalam persidangan kali ini ialah soal keganasan antarabangsa. Ini berdasarkan kepada lima kes terbaru iaitu serangan bom di Kedutaan Amerika Syarikat di Kenya dan Tanzania, tindakan Amerika mengebom kilang ubat di Sudan dan pusat latihan tentera Taliban di Afghanistan, dan yang terakhir letupan di Planet Hollywood, Cape Town, Afrika Selatan.

Seperti yang dijelaskan oleh Timbalan Menteri Luar Afrika Selatan, Aziz Pahad, oleh kerana empat daripada kes berkenaan berlaku di benua Afrika, termasuk yang terakhir di Afrika Selatan sendiri, sudah pasti isu ini mendapat perhatian ramai.

"Dengan sebahagian besar daripada 53 ketua negara yang sudah mengesahkan kehadiran mereka adalah dari benua Afrika, isu-isu yang membabitkan benua ini akan menjadi tumpuan, termasuk soal keganasan, konflik sempadan dan kemiskinan," katanya.

Dalam isu keganasan ini, Malaysia menyokong langkah Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) dan Sudan mendesak supaya penyiasatan dijalankan. Walaupun mengecam langkah Amerika melancarkan serangan bom ke atas kilang ubat di Khartoum, ini tidak bermakna Malaysia menyokong sebarang keganasan.

Satu yang agak berbeza dalam sidang puncak kali ini ialah selain dokumen akhir yang akan dikeluarkan oleh persidangan berkenaan, satu dokumen khas iaitu Wawasan 2001 juga akan diluluskan dalam sidang puncak kali ini yang antara lain memberikan wawasan negara-negara Afrika dan gambaran bagaimana

NAM akan menghadapi alaf akan datang.

Hakikatnya, sebahagian besar sidang puncak yang diadakan sebelum ini, sama ada di New Delhi, Belgrade, Jakarta atau tempat-tempat lain, lebih memperlihatkan sikap tuan rumah yang mahu menunjukkan pengaruh dan kepentingan sendiri mengatasi matlamat sebenar penubuhan NAM. Ini terbukti apabila draf deklarasi atau dokumen akhir sidang terpaksa dipinda beberapa kali sebelum diluluskan.

Malah, menjelang sidang puncak kali ini juga ada usaha pihak tuan rumah untuk meminda draf dokumen akhir yang dipersetujui dalam pertemuan menteri-menteri luar sebelum ini, termasuk membuang perenggan mengenai Asia Tenggara, sesuatu yang ditentang oleh Malaysia dan negara Asean lain. Perenggan ini antara lain merujuk kepada fungsi Asean dan Forum Serantau Asean (ARF) serta isu Laut China Selatan.

Bagaimanapun, pindaan lain seperti memasukkan perenggan mengenai Kemboja mendapat sokongan Malaysia. Perenggan berkenaan merujuk kepada keputusan pilihan raya umum negara itu baru-baru ini yang disahkan bersih dan diiktiraf PBB.

Apa yang penting, negara anggota NAM khususnya tuan rumah perlu komited kepada keputusan yang dipersetujui dalam mesyuarat peringkat menteri sebelum ini kerana kegagalan berbuat demikian akan menjejaskan kredibiliti pergerakan itu, di samping melemahkan peranannya untuk memperjuangkan kepentingan Selatan.

Dalam apa juga keadaan, segala isu yang dibawa tidak akan bermakna jika ia tidak dimasukkan dalam dokumen akhir kerana sebarang perkara yang disebut dalam dokumen berkenaan mencerminkan pendirian NAM secara rasmi. Sehubungan itu, kita berharap isu krisis kewangan dan penentangan terhadap sebarang bentuk keganasan akan dimasukkan dalam dokumen akhir nanti.

(END)